

Perkahwinan Adat di Luak Ulu Muar dan Rembau
NORHALIM IBRAHIM

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Luak Ulu Muar	1
1.2 Luak Ulu Rembau	3
2.0 ATURAN PERKAHWINAN	6
2.1 Aturan Perkahwinan Luak Ulu Muar	6
2.1.1 Pantang Larang Dalam Aturan Perkahwinan Luak Ulu Muar	7
2.2 Aturan Perkahwinan Luak Rembau	8
2.2.1 Suku-suku Yang Tidak Membenarkan Berkahwin Sesama Suku	9
2.2.2 Suku-suku Yang Membenarkan Berkahwin Sesama Suku	10
2.3 Pantang Larang Dalam Aturan Perkahwinan Luak Rembau	14
3.0 ATURAN SEMENDA-MENDA	16
4.0 ATURAN MEMINANG	18
5.0 MENGEMBANG CINCIN	25
6.0 BERALAT DENGAN BERADAT ISTIADAT	27
6.1 Olek Lembaga Di Luak Ulu Muar	27
6.1.1 Hari Pertama	27
6.1.2 Hari Kedua	37
6.1.3 Hari Ketiga	38
6.1 Olek Buapak Di Ulu Muar	47

6.3 Olek Lembaga Di Luak Rembau	48
6.3.1 Aturcara Hari Pertama	48
6.3.2 Aturcara Hari Kedua	54
6.3.3 Aturcara Hari Ketiga	56
6.3.4 Upacara Mandi Dan Menyalang	57
6.4 Olek Buapak Di Luak Rembau	59
 7.0 ISTIADAT MENYALANG ATAU MENYEMBAH DAN MENYERAH HARTA	 60
7.1 Istiadat Di Luak Rembau dan Di Luak Ulu Muar	60
7.2 Pengistiharan Harta	64
 8.0 PENGANTIN KECIL	 65
 9.0 KESIMPULAN	 67
 LAMPIRAN 1	 68
LAMPIRAN 2	69
LAMPIRAN 3	71
UCAPAN TERIMA KASIH	72
BIBLIOGRAFI	73

PERKAHWINAN ADAT DI LUAK ULU MUAR DAN LUAK REMBAU

1.0 PENDAHULUAN

Penduduk-penduduk asal Kuala Pilah dan Rembau mengamalkan adat pepatih. Hari ini adat ini tidak lagi diamalkan seratus peratus tetapi dalam hal seperti adat perkahwinan pembahagian harta pusaka dan juga kehidupan harian masih lagi amalan perpatih ini diamalkan.

1.1 Luak di Ulu Muar

Luak di Ulu Muar termasuk dalam luak tanah mengandung. Luak tanah mengandung bermakna luak yang dikuasai oleh Duli Yang Maha Mulia Yang dipertuan Besar Seri Menanti (sekarang Negeri Sembilan). Luak Tanah Mengandung ini lebih rapat lagi pertalian dengan istana daripada Luak Undang. “ Mengandung “ bermaksud “ tanah ibunda “ ; maknanya tempat di mana Yamtuan bersemayam di bawah lindungan Penghulu Yang Empat iaitu Luak Ulu Muar yang mengandungi 12 orang Lembaga Luak Terahci mengandungi 6 orang Lembaga Luak Jempul mengandungi 6 orang Lembaga dan Luak Gunung Pasir mengandungi 6 orang Lembaga juga.

Menurut cerita Dato Setia Maharaja Lela Pahlawan Abu Zarin b. Sulaiman (Penghulu Luak Ulu Muar sekarang) asalnya Luak Tanah Mengandung ini adalah tanah seluas 3 batu persegi. Tanah tersebut telah diberikan kepada Yang Dipertuan Besar atas permintaan Datuk Luak Penghulu Muar kepunyaan Dato Lembaga suku Seri Lemak Minangkabau ketika itu bernama Dato Khatib. Sehingga sekarang keturunan datuk inilah yang menguruskan surau di dalam kawasan istana.

Di Luak Ulu Muar (Kuala Pilah) terdapat dua belas suku dan tiap-tiap suku diketuai oleh seorang Lembaga yang mempunyai gelaran masing-masing. Tiap-tiap satu suku itu dengan kebulatan waris posoko (perempuan) dan anak buah (lelaki) dipilih beberapa orang ketua dengan gelaran “Buapak”. Dengan kebulatan Buapak serta anak buah dipilih dan dilantik seorang yang bergelar “besar”. Dengan kebulatan Buapak anak buah serta Besar dipilih dan dilantik pula seorang Lembaga. Tanggongan (peranan) Lembaga ialah memegang adat iaitu mentadbirkan adat mengikut perturan adat.

Tanggongan (peranan) Besar ialah mengukuhkan adat iaitu memastikan perjalanan adat mengikut peraturan adat.

Tanggongan (peranan) Buapak ialah beradat iaitu menjalankan upacara beradat mengikut peraturan beradat.

Tanggongan (peranan) waris pesoko dan anak buah ialah memakai adat.

Kalau mengikut susunan status :

Tertinggi : Dato Lembaga

diikuti oleh : Besar

diikuti oleh : Buapak

Ini kerana dalam satu suku ada seorang Lembaga seorang besar dan 3 atau 4 orang Buapak mengikut perut dalam suku. Jika terjadi sebarang pertelingkahan atau kekusutan atas perkara adat maka di jemput Buapak untuk menyelesaikannya. Jika tidak dapat diselesaikan oleh buapak maka perkara itu dibawa kepada Besar. Jika Besar tidak juga dapat menyelesaikan maka barulah dibawa kepada Lembaga. Besar boleh menjalankan tugas Buapak jika berlaku sesuatu keuzuran kepada lembaga. Perbilangan adat kepada Besar ialah,

“ keatas mencapai ke bawah menyeluk”

Di Luak Ulu Muar terdapat dua belas suku dan tiap-tiap Lembaga ada gelaran masing-masing seperti di bawah.

<u>Bil</u>	<u>Nama Suku</u>	<u>Gelaran Lembaganya</u>
1.	Biduanda	Dato Perdana Waris
2.	Batu Hampar	Dato Maharaja
3.	Tanah Datar	Dato Duka Besar
4.	Mungkal	Dato Seri Maharaja
5.	Seri Lemak Minangkabau	Dato Seri Senara Muda
6.	Seri Lemak Pahang	Dato Baginda Maharaja
7.	Seri Melenggang	Dato Orang Kaya Bongsu
8.	Tiga Batu	Dato Peda Maharaja
9.	Acheh	Dato Ungkai Kecil
10.	Batu Belang	Dato Nara Senara Dewangsa
11.	Tiga Nenek	Dato Bangsa balang
12.	Paya Tumbuh	Dato Senara kaya

1.2 Luak Rembau

Di Luak Rembau terdapat beberapa suku dengan Lembaganya sendiri. Suku-suku yang terdapat di Rembau adalah seperti berikut.

<u>Bahagian</u>	<u>Gelaran Lembaga</u>	<u>Suku</u>	<u>Perut</u>
1. Baroh	Dato Gempa Maharaja (Yang Lapan)	Batu Hampar	1. Penajis Ulu 2. Penajis Hilir 3. Titian Batang Nior 4. Batu Hampar Agam 5. Batu Hampar Penajis.

2. Baroh	Dato merbangsa (Yang Lapan)	Paya Kumbuh (Juga Seri Melenggang Baroh dan Agam Baroh)	1. Legong 2. Bongek 3. Gadong 4. Semerbok 5. Batang Nyamur 6. Padang.
3. Baroh	Dato Samsura Pahlawan (Yang Lapan)	Mungkal	1. Hulu (Kg Api-api) 2. Hilir (Kg Api-api) 3. Tengah (darat) 4. Batang Nyamur.
4. Baroh	Dato Bangsa Balang (Yang Lapan)	Tiga Nenek	1. Legong 2. Padang 3. Tanjung 4. Bukit.
5. Baroh	Dato Purba (Yang Dua Belas)	Biduanda Waris	1. Waris Jakun 1.1 Kota 1.2 Cengkau 1.3 Gadong 2. Waris Jawa 2.1 Bukit 2.2 Pulau 2.3 Tengah

6. Baroh	Dato Puteh (Yang Dua Belas)	Batu Hampar Petani	1. Nerasau 2. Gemaian 3. Bongek 4. Palau
7. Baroh	Dato Ganti Maharaja (Yang Dua belas)	Anak Melaka	1. Solok Bangkok 2. Durian Tunggal 3. Bandar
8. Baroh	Dato Raja Senara (Yang Dua Belas)	Tanah Datar	1. Bimbar 2. Berembang 3. Apak 4. Tempat 5. Jahia 6. Miku 7. Rembau.
9. Baroh	Dato Lela Wangsa (Yang Dua Belas)	Anak Aceh	1. Pulau 2. Bongek 3. Bintongan
10. Baroh	Dato Mengkota (Orang Belas)	Seri Melenggang (Kendung)	1. Kendung (Seri Melenggang) 2. Tiga Batu (kendung) 3. Tanah Datar (Kerdung)

11. Baroh	Dato Maharaja Sutan (Orang Besar)	Seri Melenggang	1. Semerbok 2. Lenggong Hilir (Buapak-Penghulu Dagang) 3. Legong Hilir (Buapak Maharaja Sutan.
12. Darat	Dato Seri Maharaja	Paya Kumbuh	1. Kg Pahang 2. Kg Tengah (Seperti) 3. Kg Sg. Layang (Seri Lemak) 4. Kg. Rendah (Cembong)
13. Darat	Dato Sinda Maharaja (Yang Lapan)	Seri Lemak	1. Masjid 2. Tengah A 3. Tengah B 4. Bilal Keling
14.Darat	Dato Mendelika (Yang Lapan)	Seri Melenggang (Empat Ibu)	1. Batu Hampar 2. Chuai 3. Terentang 4. Cembong

15. Darat	Dato Andika	Batu Belang	1. Bintongan 1.1Bintongan 1.2 Salak Nama 2. Kg Batu 2.1 Chuai 2.2 Pulau.
16. Darat	Dato Setia Maharaja (Yang Dua Belas)	Biduanda Waris Jakun	1. Tanjung 2. Tebat 3. Tengah 4. Pedas .
17. Darat	Dato Sutan Bendahara (Yang Dua Belas)	Batu Hampar	1. Seperi 1.1 Seperi 1.2 Air Hitam 2. Tanjung
18. Darat	Dato Ngiang (Yang Dua Belas)	Mungkal	1. Bukit 1.1 Bukit 1.2 Keling 2. Tebat 2.1 Tebat 2.2 Salak Nama
19. Darat	Dato Maharaja Inda (Yang Dua Belas)	Tanah Datar	1. Tanjung 2. Batu Hampar 2.1 Batu Hampar 2.2 Bintongan

20. Darat	Nang Besar (Orang Besar)	Tiga Batu	1. Bintongan 2. Bukit 3. Pulau
21. Darat	Dato Dagang (Orang Besar)	Seri Melenggang Minangkabau	1. Batu Hampar 2. Bukit 3. Terentang 4. Perigi Jernih
22. Darat	Panglima Dagang (Orang Besar)	Seri Melenggang Miku	1. Hulu 2. Bukit 3. Masjid.

2.0 ATURAN PERKAHWINAN

2.1 Aturan Perkahwinan Luak Ulu Muar

Dalam amalan adat perpatihnya perkahwinan di antara seorang lelaki dengan seorang yang sama sukunya tidak dibenarkan. Yang dibolehkan ialah antara suku dengan satu suku yang lain ibarat labu ke kundor dan kundor ke labu. Inilah adat yang dikatakan “semenda menyemenda”. Contohnya seorang lelaki dari suku Tiga Nenek berkahwin dengan seorang perempuan yang bersuku Tanah Datar maka si lelaki tersebut berpindah duduk di rumah ibubapa isterinya dan bertenaga (bekerja) disitu untuk menanggung anak isterinya. Samada ibubapa mertuanya tinggal bersama dengannya atau berpindah ke rumah lain terpulanglah kepada kemampuan masing-masing. Jika ia berpindah maka diserahkanlah rumah dan tanah pusakanya itu kepada menantunya. Si lelaki tersebut menjadi orang “semenda” pada orang-orang yang bersuku Tanah Datar. Waris-warisan dan orang bersuku Tanah datar menjadi “tempat menda” padanya. Bila ia mendapat anak samada lelaki atau perempuan maka suku anak itu mengikut ibunya iaitu Tanah Datar.

Anak-anak tersebut boleh berkahwin dengan orang mana-mana suku melainkan suku Tanah Datar.

Demikianlah keadaannya turun-temurun anak lelaki meninggalkan ibubapanya berpindah kerumah isterinya menjadi semenda dan orang yang bersuku isterinya menjadi tempat menda. Anak-anak perempuan tidak bergerak dari tanah yang dipusakainya. Jika si isteri meninggal dunia maka si isteri itu dijemput oleh warisnya dan berpindahlah ia balik ke sukunya (warisnya) dengan meninggalkan rumahtangga dan tanah pusaka kepada anak-anak perempuannya. Jika ia tidak mempunyai anak perempuan maka rumah dan tanah pusakanya terpulanglah kepada waris perempuan yang hampir sekali pada isterinya yang meninggal dunia. Anak lelaki tidak mempusakainya tetapi boleh tinggal di situ sampai ke akhir hayat melainkan ia telah berkahwin dan berpindah kerumah isterinya yang baru.

2.1.1 Pantang Larang dalam Aturan Perkahwinan Luak Ulu Muar

Dalam Luak Ulu Muar perkahwinan dalam satu suku adalah dilarang walaupun perutnya berlainan. Sebagai contohnya katakanlah suku Paya Kumbuh mempunyai empat perut iaitu Perut Hilir Perut tengah Perut Ulu Senaling dan Perut Bemban. Walaupun tiap-tiap suku mempunyai Buapak yang berlainan anak buah tidak boleh semenda menyemenda (berkahwin) dalam satu suku perut berlainan. Sekiranya berlaku juga pantang larang ini sehingga membawa perkahwinan maka keduanya pasangan tersebut dihalau dari Ulu Muar oleh Dato Lembaga Suku Paya Kumbuh iaitu Dato Senara Kaya. Di samping itu keturunan dari maternity (nisab ibu) kedua belah pihak juga menerima akibat. Keturunannya mengikut 'Waris Soko' iaitu tuan rumah pihak perempuan-perempuan yang paling tua dalam keluarganya dalam perut tersebut tidak layak lagi memegang jawatan Buapak dan Lembaga. Pasangan tadi juga tidak layak memiliki tanah adat (tanah pusaka) buat selama-lamanya. Pada masa ini syarat ini dilonggarkan iaitu boleh dibuat perundingan dengan Dato Lembaga dan Buapak pasangan tersebut. Pasangan tersebut tidak lagi dihalau keluar dari Luak Ulu Muar tetapi terpaksa membayar denda dengan mengadakan kenduri menyembelih seekor

kambing. Dalam kenduri ini Buapak haruslah dijemput. Bagi menjemput Dato Lembaga pula diadakan kenduri dengan menyembelih lembu atau kerbau untuk membuat perundingan pengakuan salah. Kemudian barulah di maafkan kesalahan anak buah dan mereka berhak mendapat pemilikan harta pesaka isterinya tetapi pihak lelaki terkeluar dari sukunya. Sekiranya tidak mampu mengadakan syarat di atas kedua pasangan tidak berhak memiliki harta pusaka tetapi tidak dihalau dari Luak Ulu Muar dan “waris soko” tidak lagi terikat dengan pantang larang yang asalnya. Bak kata pepatah melayu:

“Sebuah durian satu ruang yang rosak buang isinya
dan bahagian lain masih boleh digunakan atau dimakan”.

Pasangan tersebut dikira telah terkeluar dari sukunya dan tidak bersuku lagi.

2.2 Aturan Perkahwinan Luak Rembau

Dalam Luak Rembau amalan adat perpatih yang diamalkan yng berkaitan dengan aturan perkahwinan ialah suku dengan suku dilarang berkahwin. Walaupun bagaimanapun sejak kedatangan Inggeris aturan ini ada yang membenarkan perkahwinan sesama suku.

Berikut adalah suku-suku yang tidak membenarkan kahwin sesuku dan yang membenarkan.

2.2.1 Suku-suku yang Tidak Membenarkan Berkahwin Sesama Suku

Ini bermaksud setiap perut dalam suku di bawah tidak boleh berkahwin satu sama lain.

A. Suku-suku Dalam Bahagian Baroh

Perut

a. Mungkal

(1)Hulu (Kg Api-api)

(2) Hilir (Kg Api-api)

b. Tiga Nenek

c. Anak Aceh

(3) Tengah (Darat)

(4) Batang Nyamur

(1) Legong

(2) Padang

(3) Tanjung

(4) Bukit

(1) Pulau

(2) Bongek

(3) Bintongan

B. Suku-suku Dalam Bahagian Darat

Perut

a. Seri Lemak

(1) Masjid

(2) Tengah A

(3) Tengah B

(4) Bilal Keling

b. Seri melenggang

(1) Batu Hampar

(2) Chuai

(3) Terentang

(4) Chembong

c. Batu Belang

(1) Bintongan

a. Bintongan

b. Salak Nama

(2) Kg. Batu

(3) Chuai

(4) Pulau

d. Biduanda Waris Jakun

(1) Tanjung

(2) Tebat

(3) Tengah

e. Tiga Batu

(4) Pedas

(1) Bintongan

(2) Bukit

(3) Pulau

f. Seri Melenggang Minangkabau

(1) Batu Hampar

(2) Bukit

(3) Terentang

(4) Perigi Jernih

2.2.2 Suku-suku Yang Membenarkan berkahwin Sesama Suku

Sungguhpun dalam suku-suku ini ada membenarkan kahwin sesama suku tetapi tidak semua perut terlibat dalam kebenaran ini ada antaranya ada kekecualian.

A. Suku-suku Dalam Bahagian Baroh

Perut

a. Batu Hampar

(1) Penajis Ulu

(2) Penajis Hilir

(3) Titian Batang Nior

(4) Batu Hampar Agam

(5) Batu Hampar Penajis

(1) Titian Batang Nior Batu Hampar Agam dan Batu Hampar Penajis boleh berkahwin antara satu sama lain kecuali dalam satu perut.

(2) Penajis Ulu dan Penajis Hilir tidak boleh berkahwin tetapi dibolehkan dengan Titian Batang Nior Batu Hampar Agam dan Batu Hampar Penajis.

b. Paya Kumbuh

(1) Legong

(Juga Seri Melenggang Baroh
dan Agam Baroh)

(2) Bongek

(3) Gadong

(4) Semerbok

(5) Batang Nyamur

(6) Padang

(1) Perut Padang boleh berkahwin dengan semua perut di atas

(2) legong Bongek Gadong Semerbok dan Batang Nyamur
tidak boleh berkahwin antara satu sama lain.

c. Biduanda Waris

(1) Waris Jakun

- a. Kota
- b. Cengkau
- c. Gadong

(2) Waris Jawa

- a. Bukit
- b. Pulau
- c. Tengah

(1) Perut Waris Jakun boleh berkahwin dengan
perut Waris Jawa.

(2) Perut Waris Jakun iaitu Kota Cengkau dan Gadong tidak
boleh berkahwin satu sama lain.

d. Batu Hampar Petani

(1) Nerasau

(2) Gemaipun

(3) Bongek

(4) Pulau

(1) Nerasau dan Pulau boleh berkahwin dengan semua
suku di atas.

(2) Perut Gemaipun dan Perut Bongek tidak boleh berkahwin
satu sama lain.

e. Anak Melaka

(1) Solok Bangkong

(2) Durian Tunggal

(3) Bandar

(1) Perut Bandar boleh berkahwin dengan semua perut di atas.

(2) Perut Solok Bangkong dan Perut Durian Tunggal
tidak boleh berkahwin.

f. Tanah Datar

(1) Bimbar

(2) Berembang

(3) Apak

(4) Tempat

(5) Jahia

(6) Miku

(7) Rembau

(1) Perut Miku dan Perut Rembau boleh berkahwin dengan semua perut di atas.

(2) Perut Bimbar , Berembang , Apak , Tempat dan Jahia tidak boleh berkahwin antara satu sama lain.

g. Seri Melenggang (Kendung)

(1) Kendung

(Seri Melenggang)

(2) Tiga Batu

(Kendung)

(3) Tanah Datar

(Kendung)

(1) Tiap-tiap perut di atas boleh berkahwin diantara satu sama lain.

h. Seri Melenggang

(1) Semerbok

(2) Legong Hilir

(buapak –

Penghulu Dagang)

(3) Legong Hilir

(Buapak –

Maharaja Sutan)

(1) Perut (1) Dan (2) boleh berkahwin

(2) Perut (2) dan (3) boleh berkahwin

(3) Perut (1) dan (3) tidak boleh berkahwin

B. Suku-suku Dalam Bahagian Darat

a. Paya Kumbuh

(1) Kg. Pahang
(Cembong)

(2) Kg. Tengah
(Seperi)

(3) Kg. Sg. Lalang
(Seri Lemak)

(4) Kg. Rendah
(Cembong)

(1) Tiap-tiap perut di atas boleh berkahwin di antara satu sama lain.

b. Batu Hampar

(1)Seperi

a. Seperi

b. Air Hitam

(2) Tanjung

(1) Perut Seperi (1) boleh berkahwin dengan perut Tanjung (2)

(2) Perut Seperi (a) dan (b) tidak boleh berkahwin

c. Mungkal

(1) Bukit

a. Bukit

b. Keling

(2) Tebat

a. Tebat

b. Salak Nama.

(1) Perut Bukit (1) boleh berkahwin dengan perut tebat (2)

(2) Perut Bukit (a) dan (b) tidak boleh berkahwin

(3) Perut tebat (a) dan (b) tidak boleh berkahwin

d. Tanah Datar

(1) Tanjung

(2) Batu Hampar

a. Batu Hampar

b. Bintongan

(1) Perut Tanjung (1) boleh berkahwin dengan
Perut Batu Hampar(2)

(2) Perut Batu hampar (a) Dan (b) tidak boleh berkahwin.

e. Seri Melenggang Miku

(1) Hulu

(2) Bukit

(3) Masjid

Kesemua perut dalam suku di atas boleh berkahwin antara satu sama lain.

Lain-lain aturan seperti gelaran semenda, tempat menda harta pusaka serta pembahagiannya sama seperti yang terdapat dalam keterangan aturan perkahwinan pada Luak ulu Muar

(Bahagian 2.1)

2.3 Pantang Larang Dalam Aturan Perkahwinan Luak Rembau

Pantang larang dalam aturan perkahwinan sesama suku. Ini bererti adat melarang perkahwinan sesuku. Perkahwinan sesuku mengikut adat adalah diibaratkan seperti perkahwinan adik-beradik.

Jika berlaku perkahwinan sesuku maka tindakan dan hukuman akan dikenakan kepada pasangan tersebut. Antara tindakannya pasangan itu akan

dipulaukan oleh masyarakat dan juga keluarganya. Dengan kata lain putusnya hubungan sama sekali. Masyarakat dan keluarga yang berkenaan tidak lagi mengambil berat soal kehidupan pasangan yang kahwin sesuku itu.

Bagi pihak orang besar adat seperti Buapak, Besar Lembaga berhak menghalau mereka keluar daerah. Arahan penguatkuasa menghalau datangnya dari Dato Undang untuk melakukan tindakan tersebut.

Dari segi hukuman adat segala hak pesaka adat yang di wariskan kepada perempuan yang berkahwin sesuku itu dengan sendirinya gugur sama sekali. Perempuan itu tidak boleh membuat sebarang tuntutan harta atau hak (adat) yang patut ia perolehi. Disamping itu keluarga warisnya dan perut seterusnya yang (jika ada di waktu itu) sepatutnya di gilirkan untuk dilantik menjadi orang besar adat pun turut gugur sekali.

Walau bagaimanapun pada hari ini penguatkuasaan hanya berjalan pada segi pemilikan harta dan giliran perlantikan keturunan. Dari segi pulau memulau dan membuang daerah tidak diamalkan. Kebanyakan masyarakat Rwmbau memikirkan kepentingan soal kemasyarakatan dan dipengaruhi oleh kehendak mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang baik dan menganggap adat ini tidak begitu penting sangat bagi mereka.

3.0 ATURAN SEMENDA MENYEMENDA

Apabila berkumpul orang “tempat menda” bersama-sama maka dipanggilkan kumpulan “seadat” dan kumpulan orang semenda dipanggilkan “seresam”. “Tempat Menda Kedin” ialah tempat semenda yang dekat sekali tali persaudaraannya seperti abang ipar atau bapa saudara ipar. Sifat tempat semenda demikian perbilangan :

“ ular dipalu jangan mati, kayu pemalu
jangan patah, tanah dipalu jangan lembang,”
(maksudnya tempat semenda itu hendaklah adil, murah, kahar dan ihsan)

Orang semenda pula sifatnya seperti perbilangan di bawah :

“ Cerdik teman berunding,
Bodoh disuruh arah,
Pekak pembakar bedil,
Buta pengembus lesung,
Alim hendakkan doanya,
Tepok (tempang) penunggu jemuran,
Tinggi banir tempat berlindung,
Rimbun pokok tempat bernaung,
Sembah Dato.”

Orang semenda dan tempat semenda masing-masing ada pantang larangnya. Pantang adat untuk tempat semenda ialah celaka derhaka iaitu sumbang sulit, membuat rumah dalam rumah seperti anak perempuan berkasih-kasihan dengan bapanya atau saudara lelaki dengan saudara perempuannya.

Pantang tempat semenda ada tiga iaitu:

- (1) Beri satu dua ditarik- bermaksud kakaknya dikahwini, adik ipar dibuntingkan.
- (2) Pelesit dua sekampung- bermaksud orang semenda berkasih-kasihan, melakukan perbuatan cabul dengan isteri tempat semendanya.
- (3) Anau sebatang dua sigai- bermaksud seorang semenda menggalakkan isterinya menjual maruah untuk keuntungannya.

Pantang orang semenda ada tiga iaitu :

- (1) Sudah diberi diambil balik – bermaksud isteri orang semenda dilakukan jahat oleh tempat semenda.
- (2) Sudah diuja dipagarkan ekor- bermaksud orang semenda diberi harta tetapi bila sampai masa mendapat keuntungan seperti kerbau sudah besar, tempat semenda menjualnya denmngan tidak diberi tahu orang semendanya.
- (3) Pesan taroh dipermalami- bermaksud disuruh orang semenda pergi menuntut adat pusaka kahwin. Sudah sampai kerumah yang di tuju, tempat semenda datang mendapatkannya. Bila bercakap orang semenda kepada Dato (Buapak pengantin lelaki) , maka tempat semendanya menyampok mengatakan orang semendanya itu tidak menureh (tidak betul cakapnya).

Jika didapati orang semenda melanggar pantang atau membuat kesalahan lain, maka ia boleh dihukum oleh orang semenda sebanyak 90 sen atas kesalahan kecil. Bagi kesalahan besar, boleh juga dihukum dengan seekor ayam, kambing atau kerbau, mengikut tingkah kesalahan itu. Orang tempat semenda tidak boleh dihukum oleh orang semenda. Jika orang semenda ada apa-apa kemuskilan atas perbuatan orang tempat semendanya, maka ia hanya boleh mengadu kepada Buapak, Besar atau Lembaga. Mula-mula pada Buapak, jika tidak selesai mengadu kepada Besar dan jika besar tidak dapat memutuskan barulah mengadu kepada Lembaga. Susunan aduan seperti berikut:

- (1) Tempat aduan pertama kepada Buapak
- (2) Jika tidak selesai berpindah kepada Besar
- (3) Jika Besar tidak dapat menyelesaikan berpindah kepada Lembaga.

Pihak inilah yang akan mengambil tindakan.

4.0 ATURAN MEMINANG

Dalam adat perpatih ada perbilangan yang berbunyi ;

“ Langit belum bernama langit,
bumi belum bernama bumi ;
Langit bernam paying negeri,
Bumi bernama tikar negeri;
Zaman buluh bilah berjati,
Zaman datuk nenek,
Gadis bujang;
Selilit pulau perca,
Selembang tanah melayu ,
Sealam minangkabau,
Bertali ke Siak
Beraja ke Johol
Bertuan ke minangkabau
Sehelai nan putus
Sebingkah tanah nan terbalik
Sebatang kayu nan bertebang ;
Tanah dibingkah akan akan permatang
Kayu ditetak akan berlintang
Akar ditetas akan pengikat
Pasir Puteh sungai jernih;
tanah datar padi pun jadi
zaman bila datuk mendaki bukit,
bintang pelarian.
Berjumpa pula Meranti bersanggit dahan;
Maka dipandang ke hulu;
Nampak gaung yang dalam
Tempat sidengkang berbunyi malam
Tempat air segantang, selubuk
Maka dipandang ke darat :
Nampak pula ungka nan mendayu,
Siamang nan berketimbuk;

Maka dipandang pula ke baruh:
Nampak pula kampung nan bersudut
Rumah nan berketak tangga
Pucuk nyior melenggok,
Pinang nan berjajar
Permatang sawah mengenteng
Maka dalam pada itu
Duduk kita berbaling:
Alam nan beraja
Berpenghulu, berluak,
Berlingkung pula suku 12
12 Jempol,
12 Muar,
6 Terachi,
6 Gunung Pasir
maka dalam pada itu
duduk pula kita berbilang-bilang
apa perbilangannya
nan kecil dididik-didik
dipinak-pinak, disombong-sombong emaknya
jika perempuan
maka dalam pada itu
sudahlah gedang atau besar
antara anak lelaki dan anak perempuan.
Apalah untung ibu dan bapa
Jinjang mendika sunat rasul;
Maka dalam itu di serahkan mengaji
Pada orang yang tahu.
Antara anak si lelaki dan anak perempuan.
Ada si perempuan itu
Kain yang sehasta, benang sekotak, jarum sekodi,

Kayu yang empat kerat,
Bagi anak perempuan.
Maka dalam pada itu sudahlah gedang/besar
Duduk kita berbilang
Apalah bilangannya ;
Perempuan itu dinanti-nantikan,
Anak lelaki itu dicari-carikan,
Maka ditengok pula antara
Anak buah saya,
Tidak malam mengambat adat
Maka diadakan pula
Risik yang berdesus
Duai nan merangkak
Maka diadakan pula cincin sebertuk
Kata muafakat,
Cincin dua bentuk kata berikat
Maka bertemulah kata
Maka dalam pada itu
Janji dimuliakan
Sampai janji , ditepati
Dalam janji , digaduhi
Sampailah janji pada hari itu
Saya membayar adat pesaka
Anak buah dengan sebanyak.”

Demikianlah perbilang berkenaan anak-anak yang telah cukup umurnya dan menerima cincin .

Pertemuan diantara kedua belah pihak antara lelaki dan perempuan sebelum berkahwin dimulai dengan merisik. Aturan merisik ialah dimulai dengan risik-risik antara ibu bapa kedua pihak melalui wakil-wakil tertentu dan persetujuannya diberitahu kepada waris masing-masing. Jika tiada halangan, maka ditetapkan harinya (satu hari) bagi pihak lelaki menghantar

cincin dan pihak perempuan menerima cincin. Persiapannya ialah sebungkus cincin yang dibungkus dalam puan (talam) diisi dengan bunga rampai dan dibungkus dengan kain (istimewa untuk tujuan tersebut sahaja) dan diiringi oleh satu bujam epok ialah tempat sireh pinang. Kesemua persiapan ini untuk dihantar kepada pihak perempuan. Buapak akan memilih dua atau tiga orang semenda yang dipilih bagi pihak lelaki sebagai utusan dan membawa cincin ke rumah pihak ibu bapa perempuan dan disertai oleh beberapa keluarga terdiri daripada waris pesoko yang hampir. Pemilihan orang semenda berdasarkan yang cerdik dan berkebolehan dalam urusan pinang-meminang. Demikian juga di rumah perempuan itu sudah siap Buapak, orang semenda, tempat semenda kedai dan saudara-mara menanti. Utusan yang membawa cincin itu pun menghadap pada salah seorang orang semenda yang menanti itu dengan menyorongkan bujamnya sambil berkata seperti di bawah:

“ Kedatangan saya kali yang pertama :

Datang berjalan,

Yang kedua luar biasa,

Maka ditengok pula tempat diri saya,

Turun dari rumah yang berkotak tangga,

Maka saya terlangkahlah tangga yang bongsu,

Malang melambong untuk menimpa,

Sampailah saya ke kampung yang bersudut,

Rumah yang berkotak tangga, disini.

Maka tangga sudah saya jingkat,

Lempar sudah saya langkahkan,

Atap sudah saya serundukkan,

Tikar sudah saya duduki.

Kata orang tua-tua

Bertanya lepas penat

Berunding lepas makan

Sekarang makan pun sudah

Jadi kemanalah saya nak berunding

Mengikut serangkap pantun:

Pokok mengkudu tengah padang,
Urat Tunjang dalam lembah
Mohon saya ke Dato yang Gedang,
Ke mana saya mohon sembah.
Sembah kepada Dato

Salah seorang orang semenda bagi pihak yang menanti menunjukkan kepada utusan yang datang di mana hendak diserahkan bujam epok tersebut. Orang yang ditunjukkan oleh orang semenda tersebut ialah Buapak yang menanti.

Pihak utusan yang menghantar cincin meneruskan kata-katanya dengan mengadap dengan buapak:

“ Sederet bendul ditepi,
Sederet bendul Ditengah,
Serenggan tulang bumbungan,
Kecil tidak tahu namanya,
Gedang tidak tahu gelarnya,
Terbilang tidak beratap,
Tidak saya mengemasi resap,
Sembah saya empunya sembah,
Sembah Dato.”

Asal kata sejak perbilangan ;

“ Tau nang kecil nang gedang,
tau nang gedang kek nang tua,
tatkala buluh bilah ditanam besi berdenteng,
puntung berasap segenta hitam gagak putih
nenek gadis datuk bujang,
seazam itulah terbit adat,
senda-menyemenda.

Kemudian daripada
Sehelai akar ditetas,
Akan pengikat sebatang kayu,
Nang ditebang akan pelintang,
Tanahnya datar airnya jernih,
Padi menjadi, negeri sentosa,
Duduk dalam raja, beralam,
Duduk dalam penghulu, berluak,
Duduk dalam bersuku, bertua,
Kemudian daripada itu ;
Negeri dah lebar orang dah ramai,
Adat tertentu bilangan beratur,
Duduk bersuku dua belas,
Kok pandang ke hilir pucuk tak terampai,
Pandang ke hilir batang tak terlintang,
Maka diadakanlah adat semenda menyemenda,
Kemudian risik yang berdesus,
Orang ke orang duai yang merangkak,
Dekat rumah dekat kampung,
Jauh di jemput dekat dikampungkan,
Cincin sebetuk akan penanya emak ayahnya,
Esa sekata kata dibalikkan,
Tak esa sekata benda dikembalikan,
Berjawab tidak kata sudah berjawab,
Ia tanda berupa cincin sebetuk,
Penanya emak ayahnya.
Sembah Dato.”

Buapak tersebut menerima dan setelah dibuka puan (talam)

Dan diperiksa cincin itu dan ia pun menjawab utusan itu dengan cara senikata juga iaitu :

“ Hidup beruntung mati kamulah,

hidup dikandung adat,
mati dikandung tanah,
duduk dalam anak buah,
semenda menyemenda,

pertama si lelaki kedua si perempuan,
untung anak perempuan dinanti-nantikan,
risek yang berdesus orang ke orang,
duai nang merangkak bak pikat seekor-ekor,
bak angin sepoi-sepoi,
habis risek habis desus,
bertemu pangkal dengan pangkal,
dek saya peti bernian menerima sahaja,
esa sekat dibalikkan,
tak sekata benda dikembalikan,
undang-undang adat berkata enam,
iaitu orang meminang tanah berani,
berani surut berani lalu,
berani lambat berani cepat,
berani berolek berani tak berolek.”

Kemudian Buapak dan utusan yang datang mengikat janji.

Mereka mengikat janji dalam ertikata,

“ janji dimulaikan,
 janji digaduhkan,
 sampai janji ditepati.”

Perjanjian itu ialah berkenaan bila bulannya dan tahunnya pekerjaan majlis perkahwinan itu diadakan mengikut perbilangan;

“ orang meminang tanah berani,
 berani surut berani lalu,

berani lambat berani cepat,
berani berolek berani tak berolek.”

Cincin itulah tanda pertunangan dan jika helah si lelaki loncor dan jika helah perempuan ganda. Pengertiannya ialah jika perkahwinan tidak jadi disebabkan oleh perbuatan pihak lelaki, maka cincin itu loncor atau menjadi hak perempuan dengan tiada dakwi-dakwi lagi. Jika disebabkan oleh pihak perempuan maka pihak perempuan mesti pulangkan dua bentuk cincin atau dua kali ganda harganya pada pihak lelaki.

5.0 MENGEMBANG CINCIN

Anggaran sebulan atau dua bulan lagi hendak sampai janji membuat kerja kahwin tersebut, maka ibu bapa perempuan yang bertunang itu menjemput Besar, Buapak, Tempat semenda seadat, orang semenda seresam, waris pesoko dan orang dekat rumah dekat kampung, berkumpul di rumahnya. Perjumpaan ini dinamakan “mengembang cincin.” Tujuan perjumpaan ini untuk mengkaji hal bakal menantu yang akan diterimanya itu seperti agama, bangsa dan keturunannya di samping budi bahasa, adab terbit, alim lebai, tahu bekerja, kampung halaman dan lain-lain.

Apakala sudah terhimpun semuanya maka salah seorang orang semenda yang tua, pandai beradat dan mengetahui tentang adat menjadi wakil yang “seresam” lalu mengambil cincin peminang itu serta mengadap (duduk berhadapan) pada buapak lalu berkata,

“ maka ditengok serantau saya yang seresam,
 berkebulatan pula waris pesoko pada hari ini
 yang sehari ini,
 berkebulatan pula menjemput yang seadat iaitu Pak Ngah,
 Pak Ulung semua,
 Kok jauh dah dijemput,
 Kok dekat dah dikampung,

Yang jauh pun dah sampai,
Yang dekat dah terkampung.
Perbilangan ada,
Bertanya lepas penat,
Berunding lepas makan,
Sekarang sudahlah makan,
Maka dek saya nak menyampai khabar yang sepatah,
Adalah orang semenda itu,
Peti bernian dinding tasak mata telinga,
Petang menutup pagi melepaskan,
Siang memandang malam mendengarkan,
Maka dalam sehari yang dua ini,
Dapat cincin se bentuk ialah menanya anak buah Dato.”

Kemudian cincin itu diserahkan kepada Buapak dan Buapak menerimanya lalu diedarkan untuk diperiksa oleh tiap-tiap yang seadat. Maka masa inilah mereka mengeluarkan pendapat masing-masing samada bersetuju atau menghalang rundingan itu terutamanya dari “seadat yang kediri” yang menentu dan memutuskan. Seadat yang kediri ialah abang, bapa saudara, sepupu (sanak ibu) dan dua pupu (sanak datuk).

Jika tiada yang menghalang maka buapak pun menjawab persetujuan dengan berkata ;

“ Yang terpelanggon akan jatuh,
liang akan tembok genting akan putus,
yang terbengkalainak disudahkan,
bilakah hari akan dibuat,
dan paras mana olek atau kenduri akan dibuat,
lapan, lereng atau bukit.

Lapan bermakna bawah paku rebong iaitu lauk sayur. Lereng itu parasnya ialah menyembelih kambing dinamakan “Olek Buapak.” Bukit ialah menyembelih kerbau atau lembu dinamakan “Olek Lembaga.” Apabila kata itu dijawab paras mana yang

disanggupi maka buapak menentukan pula apa hari akan berkampung (berkumpul) membuat palas-palas (tempat masak-memasak) persediaan mengadakan olek seperti kata,

“ air nang disauk ranting akan dipatah,
tungku dicekah, beras dibasuh,
kerbau akan ditumbang,
alamat bedil akan dibunyikan.”

Biasanya hari menentukan olek datangnya dari pihak perempuan dan tiada lagi pula halangan dari pihak lelaki tetapi sekiranya ada halangan dari pihak lelaki, maka dicari yang sesuai untuk kedua belah pihak bersetuju.

6.0 BERALAT DENGAN BERADAT ISTIADAT

6.1 Olek Lembaga Di Luak Ulu Muar


Olek ini dibuat secara besar-besaran iaitu 3 hari dan 3 malam. Mengadakan alatan beradat istiadat dijalankan sepenuhnya iaitu rumah pengantin dihiasi dengan kelengkapan alat-alat kebesaran Lembaga seperti tiang-tiang rumah dibalut dengan kain warna-warni, disediakan tempat pedang bercabut, tombak berambu, tunggu merual, payung bertirai, rumah bedil dan binatang sembelihan iaitu kerbau atau lembu.

Sebelum olek dimulakan, pada sebelah pagi Buapak terlebih dahulu menjemput Lembaga dengan membawa bujam epok dan memberitahu yang anak buahnya hendak mengadakan olek lembaga. (lihat gambar A)


6.1.1 Hari Pertama

Pada hari pertama olek, Buapak yang mula-mula datang dan mengarahkan salah seorang orang semenda bakar bedil (meriam) satu lotus (letupan)


Bujam Epok
Pandangan Dalam



Bujam epok yang telah
diikat sebelum dibalut



Setelah dibungkus untuk
Menjemput Lembaga/Buapak




sebagai menandakan permulaan olek. Alat letupan diletak di atas pokok besar dipanggil “bangunan bedil.” Peralatan ini disediakan pada hari berkampung. Di atas pokok tersebut dibuat tempat meletakkan meriam, alat tetawak, tambur dan alat penuras (untuk letupan). Bangunan bedil di buat sebelah kanan rumah, di atas pokok yang tinggi seperti pokok durian atau sebagainya. Kemudian Buapak mengarahkan orang semenda memasang alat-alat beradat beristiadat. Tiang-tiang rumah dipasang tabir langit-langit. (lihat Gambar B seperti di bawah.)



(GAMBAR B)

Tabir langit-langit ialah kain direntang di bawah atap rumah. Tabir lingkung turut direntang di dinding rumah.

(Lihat gambar C)



(GAMBAR C)

Kedua-dua alat ini tabir lingkung dan tabir langit-langit adalah symbol kepada pengorbanan anak saudara perempuan dato Perpatih sewaktu menjadi penggalang kepada bahtera yang akan belayar pada zaman dahulu. Tabir lingkung dan tabir langit-langit ialah kain yang digunakan untuk menutupi badan perempuan Dato Perpatih yang bunting sulung menggalang untuk bahtera belayar. Bahtera tersebut meloncat dan perempuan tersebut terus bersalinkan (beranak) seorang anak lelaki. Anak tersebut dinamakan “Menggalang.” Perempuan tersebut berkata,

“ Anakanda sanggup mati asalkan dapat menebus maruah bapa saudara anakanda daripada malu.”

Jawab Dato Perpatih ;

“ Atas pengorbanannya beri pesaka kepada orang perempuan.”

Perbilangannya;

“ Cincang pampas bunuh beri belas,
anak buah sorong balas.”

Kemudian dipasanng tilam pandak 3 tingkat dipanggil bantal rangka untuk tempat duduk pengantin dan Lembaga. (Sila Rujuk gambar C). Tilm pandak adalah salah satu daripada alat kebesaran adat Lembaga. Ianya adalah senagai peringatan tempat duduk Dato Perpatih di dalam bahtera semasa belayar.

Diadakan tempat sireh peminangan disediakan 3 buah iaitu satu diletakkan ditempat Buapak, ditempat pengantin akad-nikah dan di tempat duduk Lembaga.

(sila rujuk gambar C dan lihat gambar D)


Disamping itu di pasang sampaian iaitu satu dalam rumah digantung didinding. Dua buah sampaian lagi digantung didinding serambi iaitu dipangkal dan dihujung. Sampaian ialah buluh yang dibelah-belah dan buat tiga segi. Lipatan kain songket digantung.

(lihat gambar E yang dilukiskan). Maksud dipasang ialah lambing pemeliharaan adat.

(GAMBAR D)


Tempat alat peminangan dipangkal
serambi disebelah tempat duduk
buapak





(GAMBAR LUKISAN E)


Dihalaman rumah di tegakkan tunggul merual. (Sila lihat gambar F)



(GAMBAR LUKISAN F)

Tunggu merual adalah sebagai tanda alat kebesaran mengingatkan Dato Perpatih belayar yang bermaksud kepada selamat jalan dan belayar. Kain yang mengelibat menandakan tanda mengucapkan selamat belayar kepada Dato Perpatih dengan lambaian tangan dari atas bahtera sebagai selamat tinggal.

Ular-ular juga dipasang iaitu kain digulung seperti tali berwarna hitam. (sila lihat gambar G yang dilukiskan). Alat ini sebagai memperingati atas kehendak Dato Perpatih dan dipasang bersebelahan dengan tunggul merual.



(GAMBAR LUKISAN G)


Selain dari itu patung bertirai dipasang dihujung halaman. Pada masa dahulu ia adalah satu daripada alat kebesaran Dato Perpatih. Dalam upacara berolek ia dipasang dua jenis iaitu satu payung kertas dan satu lagi payung kain. Alat ini juga merupakan alat kebesaran Olek Lembaga kerana Lembaga merupakan raja kepada suku tersebut.

(sila lihat gambar lukisan H)



(GAMBAR LUKISAN H)

Ada juga dipasang pedang bersilang di kiri-kanan (dua pasang sahaja) hujung halaman.
(sila lihat gambar lukisan I di bawah)



(GAMBAR LUKISAN I)

Pedang bersilang ini adalah juga sebagai tanda kebesaran Lembaga, raja adat di dalam sukunya. Pedang dicucuk pada pelepah rembia atau enau.

Perbilangannya ;

“ kain bersampai, tiang berpalut,
pasang tunggul merua di halaman,
pedang bercabut, tombak berambu,
payung bertirai du pasang hujung tirai,

Perbilangan ini tidak meliputi segala peralatan yang digunakan semasa olek Lembaga dijalankan. Ia hanya menunjukkan peralatan dibawah rumah (halaman).

Akhir sekali alat kebesaran Lembaga senagai raja ialah dicacak tombak berambu di hujung halaman. (Sila lihat gambar lukisan J)



(GAMBAR LUKISAN J)

Upacara di hari pertama olek jenis ini lebih ditumpukan kepada pemasangan alatan beradat istiadat sahaja. Orang yang berperanan pada hari itu ialah Buapak. Buapak bertanggungjawab mengarahkan pemasangan alat-alat kebesaran. Besar pula akan memerhatikan dan memastikan yang dipasang adalah cukup dan lengkap. Mana-mana yang kurang, Besar akan memberitahu Buapak dan Buapak mengarahkan anak buahnya memasangnya. Tuan rumah pada hari pertama ini pula bertanggungjawab mengadakan benda-benda atau bahan keperluan sahaja.

6.1.2 Hari Kedua

Kerbau atau lembu, iaitu untuk menjadi lauk olek akan disembelih pada sebelah pagi hari kedua. Sebelum disembelih, terlebih dahulu di bakar bedil seletus (letupan) sebagai menandakan upacara penyembelihan akan dilaksanakan.

Selepas penyembelihan iaitu di sebelah petang Buapak memastikan lauk-pauk tersebut dimasak dengan sempurna. Untuk tujuan itu orang-orang perempuan akan menyediakan segala alat-alat rencah untuk memasak untuk dihidangkan pada tetamu pada malam berinai nanti.

Di samping itu alat-alat untuk berinai juga disediakan. Buapaklah yang bertanggungjawab menentukan tempat letaknya alat-alat tersebut dengan mengarahkan anak buah untuk menyusunnya.

Pada sebelah malam pula diadakan upacara berinai kecil. Alat-alat yang digunakan ialah inai, alat-alat tepung tawar, air mawar dan yang diinai hanya pengantin perempuan. Pengantin perempuan seorang sahaja di atas pelamin. Upacara dimulakan oleh Buapak dan diikuti oleh anak-anak buahnya dan upacara tutup ditutup oleh Buapak.

6.1.3 Hari Ketiga

Hari ketiga ialah hari langsung. Pada waktu paginya Buapak akan mengarahkan dua orang semenda menjemput pengantin lelaki di rumahnya. Waktu menjemput bila dirasakan sesuai dan juga bergantung kepada jauh dekat rumah pengantin lelaki. Pemilihan orang semenda adalah dibuat berdasarkan kepada kebolehannya dalam beradat dan pandai berbicara tentang adat.

perbilangannya ;

“ cerdik, teman berunding;
bodoh, disuruh arah;
pekak, pembakar bedil;
buta, penghembus lesung;
alim, hendakkan doanya;
tepok, penunggu jemuran;
tinggi banir tempat berlindung;
rimbun pokok tempat bernaung.”

Yang dijemput oleh orang semenda ialah pesaka, orang serta maskahwinnya (adatnya). Yang dikatakan pesaka ialah gelaran yang diberi pada pengantin

mengikut sukunya seperti Mangsa, Kari, Nika, Nara, Melano, Koda dan lain-lain. inilah yang dikatakan perbilangannya, “ kecil bernama besar.” Orang semenda yang menjemput membawa bersamanya hujan epok.

Orang semenda yang disuruh menjemput, naik ke rumah pengantin lelaki dan mengadap Buapak pengantin lelaki lalu menyerahkan bujam epok dan memulakan kata seperti dibawah,

“ saya ini umur baru belukar muda,
umur belum setahun,
darah belum setampok pinang.
Kalau begitu saya ini ibarat pisang;
Singkap daun ambil buah,
Kopek kulit dapat isi.
Turun istana menjunjung titah,
Turun balai menjunjung sabda.
Kalau begitu saya ini:
Turun dari kampung yang bersudut,
Rumah yang berkotak tangga,
Sawah yang berjenjang,
Diharuskan oleh tempat menda pada petang ini
Menjemput anak buah Dato, adat beserta orang.
Sembah Dato.”

Kemudian dilafazkan kata-katanya lagi;

“ kocik godang, goodang nan tuo,
tahu kocik tompek nan tuo,
tahu godang tompek nan tuo,
duduk suku sepolarasan,
dokek rumah dokek kampung,

hukum tak bertambah, adat tak menggalang,
sentiasa semondo-menyemondo,
seuntung pada saya, tersemondo kepadanya,
tahun tak ditentu, bulan tak dibilangkan,
kok dek baru tu,
ada ipar lamai,
kok dek lama, ada anak pinak,
kocik bosar, bosar dah gadong.
Sembah Dato.”

Kata-kata orang menjemput ini dijawab oleh Buapak pengantin lelaki sebagai aturan adat dan diterima oleh orang semenda yang menjemput dengan kata-kata;

“ kalau hidup dikandung adat,
kelaut menuju alor,
kedarat menuju benar.
Benar bersua tidak boleh disiaahkan;
Kecik dinyanyi-nyanyikan (denak-denakan),
Pengku diambil,
Sudah besar: jika perempuan diserahkan :
Belajar mengayam menjahit,
Menekat mengaji.
Jika lelaki diserahkan mengaji,
Untung anak lelaki, dicari-carikan;
Untung anak perempuan, dinanti-nantikan,
Lopeh tobek dek bungkai,
Lopeh hutang dek bayar.”

Kemudian adat (maskahwin) pun diserahkan oleh Buapak pengantin lelaki kepada orang semenda yang menjemput mengikut adat yang ditetapkan.

(kadar adat maskahwin di Luak Ulu Muar sila lihat lampiran)


Selepas maskahwin telah diterima oleh orang semenda yang menjemput, maka dibawahlah pengantin lelaki beserta beberapa orang pengiringnya ke rumah pengantin perempuan. Pada hari langsung ini (hari akad nikah), lembaga akan datang ke majlis perkahwinan tersebut. Pada masa Lembaga datang, bedil akan di bakar sebanyak 4 lotus (letupan). Waktu Lembaga balik juga dibakar sebanyak 4 lotus. Sekiranya Lembaga datang awal pagi ia diiringi oleh Besar dan disambut oleh Buapak, sebelum Buapak menyuruh orang semenda menjemput pengantin, kebenaran lembaga mestilah diperolehi dahulu. Tempat duduk Lembaga diatas tilam pandak dan di hadapannya ada tempat sireh peminangan. Apabila rombongan lelaki tiba, bedil dibakar sebanyak 4 lotus (ada setengah pendapat mengatakan 6 lotus kerana tarafnya raja sehari atau penghulu luak tarafnya). Setelah sampai, pengantin dan rombongannya dipersilakan duduk ditengah serambi rumah iaitu dekat tengah tiang (dipanggil juga tiang menantu).

Pengantin duduk di atas tilam pandak. (ada pendapat mengatakan di sebelah tilam pandak kerana masa akad nikah dijalankan barulah pengantin duduk diatas tilam pandak). Dihadapan tempat duduk pengantin juga ada tempat sireh peminangan. (sila rujuk gambar D) tempat duduk Lembaga, Buapak-buapak, Besar dan orang semenda yang bergelar seperti taraf Lembaga atau Buapak yang menyemenda ke suku tersebut adalah di pangkal serambi. Tempat duduk pengantin, saksi, wali dan imam ialah di tengah serambi iaitu pada tiang menantu.

Buapak pengantin perempuan, tempat menyemenda dan orang semenda yang menjemput ialah di hujung serambi.

Di hujung serambi juga diletakkan alat sireh peminangan.

(kesemua kedudukan lokasi bagi perkara di atas bagi menjelaskan susunan di dalam rumah pengantin perempuan untuk upacara akad nikah sila lihat gambarajah K)



○ o, s	ORANG SUCURAH (SEKENDAR)
○ bpp	PUSAT PENGANTIAN KEMAHAM.
○ oss	ORANG SUCURAH (SEKENDAR).
○ w	WALI
○ i	INPM
○ s	SATUN
○ p	PENGANTIAN LELAKI
○ i	LEMBAGA
○ b	BANGK.
□	tiang
▨	tiang TENGAH (TANGGA MENANTU).
KEBUDUKAN ORANG-ORANG KETIKA MASUK AKAD BIKAH.	

(GAMBARAJAH K)

Orang semenda yang menjemput akan menyerahkan adat dan pesaka kepada Buapak pengantin perempuan di hujung serambi. Sambil menyerahkan orang semenda itu akan berkata:

“ Maka adalah risek yang berdesus,
duai yang merangkak,
habis risek habis desus,
bertemulah pangkal bersama pangkal,
kemudian dijemputlah Dato dan tempat menda,
minta sah batal perbuatannya,
yang jauh sudah sampai,
yang dekat sudah datang.”
(mengikut kiraan waktu).”


Dato lembaga menerima adat dari Buapak. Buapak menyembahkan adat dengan cara berlutut di hadapan Lembaga. Dato Lembaga menerima dan memeriksanya samada lengkap adat yang diterima. Setelah didapati lengkap, barulah diperlihatkan kepada Besar, Buapak-buapak yang hadir kemudian memperlihatkan bergilir-gilir sehingga ke waris pesoko. Waris pesoko yang memberikan hak untuk pengantin perempuan untuk diserahkan kepada pengantin perempuan. Bahagian untuk orang semenda yang menjemput, buapak, dan waris pesoko dibahagi-bahagikan oleh Buapak. Setelah adat (maskahwin) diterima, maka Lembaga mengarahkan upacara akad nikah dijalankan. Selepas akad nikah dijalankan, pengantin lelaki di bawa masuk ke ruang dalam rumah untuk upacara membatalakan air sembahyang dan menyarungkan cincin ke jari pengantin perempuan. Pada masa hendak masuk ke ruang dalam rumah, diadakan upacara “ hambat pintu.” Orang yang menahan ialah waris daripada pengantin perempuan, diketuai oleh seorang ketua. Ia tidak membenarkan pengantin masuk ke ruang dalam. Maka wakil daripada pengantin lelaki meronta-ronta untuk masuk dari halangan dan ia menggengam tangan. Wakil pihak perempuan memegang tangan dan membuka genggam tangan. Maka diambilnya duit 10 sen dan barulah dibenarkan pengantin lelaki masuk ke ruang dalam rumah (bilik). Masa menyarung cincin, berkatalah pengantin lelaki atau wakilnya ;

“ Adolah adat,
bisik nan berdesus,
buai nan merangkak,
senyum yang beririt,
mako bertando rupa,
oso sekato,
kata dibalikkan,
tak oso sekato, benda dibalikkan,
janji buek dimuliakan,
sampai janji menepatkan.

Sesudah itu diadakan upacara mengenalkan ibu bapa, saudara mara, tempat semenda kedin dan orang semenda oleh pengantin perempuan kepada suaminya.


Waktu jamuan makan, tempat makan Lembaga ialah di atas tempat peminangan.

(Sila rujuk gambar L dibawah.)



(GAMBAR L)

pinggan diletakkan di atasnya. Dulang lauk dan nasi untuk hidangan (jambar) Lembaga bertutup dengan tudung saji yang dilapikkan kain diatasnya. Kainnya berwarna-warni dan ditekad dengan benang emas di tepinya. (rupa kain yang melapik tudung saji untuk Lembaga itu adalah seperti gambar M)



(GAMBAR M)

Dulang hidangan untuk Buapak perempuan juga tertutup, tetapi tempat ia makan tidak seperti Dato Lembaga di man tempat makanannya di atas alat peminangan. Tudung makanan bagi buapak itu dilapik dengan kain yang ditekad emas di tepinya.

Selepas jamuan, Dato Lembaga balik ke rumahnya dan akan datang semula pada waktu malam untuk adat berinai besar. Pada waktu malam hari ketiga (malam hari langsung) diadakan upacara berinai besar dan tari inai (tarian lilin di atas piring). Upacara berinai dimulakan oleh Buapak pengantin perempuan dan diikuti oleh Besar, tempat semenda kedind, orang semenda dan kaum keluarga. Upacara penutup berinai dilakukan oleh Dato Lembaga yang mana

ianya menandakan tamatnya upacara Olek Lembaga. Sebelum upacara berinai besar, pengantin lelaki terpaksa juga manghadapi hambat pelamin. Aktivitinya sama seperti hambat pintu.

6.2 Olek Buapak Di Luak Ulu Muar

Olek Buapak ini berlangsung tidak melebihi dari 2 hari dan dua malam. Olek Buapak, Dato Lembaga tidak hadir pada Olek Buapak dan pada olek ini tidak dipasang alat-alat selengkapannya kebesaran seperti olek Lembaga. Alatan yang dipasang hanya tabir langit-langit dan tabir lingkung sahaja. Binatang sembelihan ialah kambing.

Pada hari pertama, Buapak yang mula-mula datang dan mengarahkan segala kerja-kerja untuk upacara olek.

Hari kedua ialah hari langsung, upacara berinai seperti berinai kecil dan berinai besar-besaran juga dijalankan. Begitu juga cara menjemput pengantin sama seperti Olek Lembaga. Pada olek Buapak, hanya pengantin sahaja duduk di atas tilam pandak waktu memulakan akad nikah. Alat sireh peminangan hanya dua iaitu di hadapan tempat duduk buapak di pangkal serambi dan di tempat pengantin (di tiang menantu). Upacara berinai besar dimulakan oleh Buapak dan penutup juga dilakukan oleh Buapak. Jambar untuk Buapak sama dengan seperti Olek Lembaga iaitu bertutup dan dilapik dengan kain yang bertekad benang emas ditepinya. Buapak balik selepas upacara berinai besar.

6.3 Olek Lembaga Di Luak Rembau

Olek ini dibuat secara besar-besaran selama 3 hari 3 malam. Istiadat membesarkan Lembaga dan alat-alat kebesarannya dijalankan sepenuhnya. Alat-alat kebesaran Lembaga diletakkan pada satu tempat yang berupa pondok atau berupa sebuah khemah 4 tiang. Segala alatan kebesaran Lembaga seperti sampaian, keris yang dicacak ke dalam buluh yang disediakan, payung bertirai, tombak berambu, tunggul merual, ular-ular, tilam pandak, alat peminangan, pembakar bedil dan bedil, gong, dulang

peminangan berkaki diletakkan di dalam khemah (pondok) yang di pasang tabir langit-langit dan tabir lingkung. Tiang khemah tersebut dibalut dengan kain hitam. Selain dari itu tiang-tiang rumah juga di balut dengan kain hitam. Kain hitam ini adalah tanda berkonak Lembaga.

6.3.1 Atucara Hari Pertama

Pada hari pertama olek, Buapak datang awal pagi dan mengumpulkan segala anak buah orang semenda, waris pesoko di serambi rumah. Kemudian Buapak memberi penerangan tentang kerja-kerja yang hendak dilakukan. Setelah memberi penerangan dan terus mengarahkan membuat sebuah khemah dihadapan rumah sebelah kiri. Di bawah atap khemah dipasang tabir langit-langit dan keliling khemah di pasang tabir lingkung. Besar waris datang waktu pagi dan akan memerhatikan segala kerja-kerja yang dijalankan dan memastikan setiap peralatan yang dipasang dalam keadaan yang sempurna. Pada hari pertama ini, hanya kambing dan ayam sahaja yang disembelih. Jamuan tengah hari hanyalah kepada buapak, anak-anak buah, waris pesoko (perempuan) dan orang semenda sahaja iaitu mereka yang membuat persiapan memasang olek. Istiadat berkonah olek (merasmikan olek) di adakan pada sebelah malam hari pertama ini. Pada malam ini Lembaga akan datang untuk istiadat berkonak olek. Kedatangan Lembaga disambut oleh Buapak, Besar dan anak-anak buah serta orang semenda. Kalu Dato Lembaga daripada suku Biduanda waris datang, ia ditemani oleh Besar Undang. Besar undang itu 3 orang iaitu Dato menteri, dato maharaja dan Dato Sedia Raja. Lembaga suku Biduanda Waris seperti Dato Purba dan Dato Setia Maharaja, kedatangannya disambut dengan membakar bedil. Bedil diletakkan di belakang rumah di tepi pagar dan di bawah pokok kayu. Kalau Dato Lembaga bukan suku Biduanda Waris, tidak boleh dibakar bedil bila menyambut kedatangannya. Alat-alat bedil ini diambil dari Balai Undang Luak Rembau.

Setelah Dato Lembaga sampai maka ia masuk ke dalam khemah dan duduk di atas kerusi yang disediakan. Kemudian buapak akan memukul gong sebanyak satu kali menandakan bermulanya berkonah olek dan selesai istiadat membesarkan Lembaga, kemudian lembaga naik ke atas rumah diikuti oleh Buapak,

Besar Waris, Buapak-buapak perut lain dan anak buah serta orang semenda. Alat-alat kebesaran Lembaga juga dibawa naik ke rumah seperti tilam pandak, alat-alat peminangan, dulang peminangan berkaki, sampaian dan keperluan lain. alat-alat seperti tombak, keris, payung bertirai ditinggalkan di tempat asalnya. Hidangan jamuan ringan diedarkan iaitu air dan kuih-muih. Dulang untuk Lembaga mestilah bertutup dengan tudung saji yang dilapik dengan kain yang ditekad dengan benang emas.

Setelah jamuan selesai maka Buapak meminta izin daripada Lembaga untuk mengarahkan orang semenda menjemput pengantin lelaki, pesaka dan maskahwin. Alatan yang di bawa pergi menjemput ialah tepak sireh. Orang semenda untuk pergi menjemput pengantin adalah dua orang. Jualah dua orang ini sempena sejarah dua orang yang pergi menjemput Raja di pagar Ruyong, Sumatera. Pemilihan orang semenda untuk menjemput pengantin, pesaka dan maskahwin adalah seperti berikut ;


1. pilihan orang menjemput (semenda) mengikut giliran dalam perut suku tersebut dan orang yang dipilih ialah yang tahu mengenai adat dan pandai dalam perbilangan adat seperti yang diterangkan dalam Olek Buapak Di Ulu Muar.
2. kalau menjemput orang yang bergelar (pesaka) seperti anak Dato Lembaga, Buapak (yang berkahwin) anak Dato Undang maka orang semenda yang dipilih juga mestilah seorang darinya bergelar iaitu Buapak suku lain yang menyemenda di suku tersebut.

Upah menjemput adat sebelum tahun 1941 ialah \$ 2.00

Seorang. Aturcara dalam menjemput dan mengadap Buapak pengantin lelaki dalah sama seperti yang di terangkan dalam olek Lembaga di Luak Ulu Muar. Begitu juga setelah pengantin lelaki dan rombongannya datang, upacara menjalankan mengisi adat dan juga

akad nikah sama seperti yang diterangkan dalam Olek Lembaga di Luak Ulu Muar. Yang berbeza di antar Luak Ulu Muar dan Luak Rembau dalam istiadat akad nikah ialah nilai adatnya (maskahwin). (nilai dan kadar maskahwin Luak Rembau sebelum Tahun 1901 sila lihat lampiran 2).

Di Luak Rembau pasangan pengantin diiringi bersama pasangan pengantin kecil (penerangan lanjut lihat bahagin 6.0). Sebelum akad nikah lagi, pengantin kecil lelaki akan datang ke rumah pengantin lelaki dan duduk disebelah pengantin lelaki yang sebenar. Pada masa akad ia juga duduk di dalam bilik bersama pengantin perempuan di atas kerusi pengantin. Dalam masa berlangsung upacara ini, semua anak dara yang hadir duduk di atas peran di dalam rumah. Ini bertujuan supaya anak dara dapat memerhati orang-orang yang datang dan dapat dan dapat berkenalan melalui pandangan mata kepada orang lelaki yang ada di serambi atau di luar rumah. Ini disebabkan kedudukan peran terletak di bahagian atas dalam rumah dan di bawah bumbung. (sila lihat gambar lukisan N pada muka surat 52)



Sebuah rumah tradisional Minangkabau : Peran di bahagian atas rumah tersebut berperanan untuk anak dara duduk ketika majlis berolek berlansung.

(GAMBAR LUKISAN H)

Di luak Ulu Muar pula anak dara berkumpul di dalam bilik pengantin. Semasa upacara akad nikah ini, ibu kepada pengantin perempuan duduk di tengah rumah dan berhampiran dengan tiang tengah.

Di Luak Rembau ini setelah selesai upacara akad nikah, pengantin lelaki ditemani oleh pengantin kecil dan waris-waris yang hampir dari kedua-dua belah pihak, masuk ke dalam bilik pengantin perempuan untuk upacara pembatalan air sembahyang. Setelah selesai upacara itu, maka kedua pasangan pengantin kecil. Kemudian Buapak memohon keizinan Dato Lembaga supaya jamuan makan malam dijalankan. Hidangan dato Lembaga mestilah dengan tudung saji dan dilapik dengan kain benang emas. Tempat makan Dato Lembaga ialah pingganinya diletak di atas dulang peminangan yang berkaki. Dato lembaga semasa makan ditemani oleh Buapak-buapak perut laindan besar waris dalam satu jambar yang sama. Jambar Buapak juga bertutup seperti Dato Lembaga tetapi tidak di atas dulang peminangan berkaki.

Pasangan pengantin makan di tengah rumah di temani oleh pengantin kecil dan waris terdekat kedua belah pihak.

Selepas jamuan makan, selesailah upacara pada hari yang pertama. Dato Lembaga dan Buapak balik ke rumah masing-masing. Pengantin lelaki, pengantin kecil dan wakil dua orang perempuan waris terdekat pengantin lelaki tidak balik tetapi tidur bilik pengantin.

Pengantin perempuan dan pasangannya pengantin kecil tidur dibilik lain atau di bahagian dapur jika tidak ada bilik lain. Tugas dua orang wakil perempuan iaitu untuk menjaga keperluan pengantin lelaki jika ia berkehendak sesuatu seperti air minuman dan sebagainya.

Di samping itu tugasnya mengejutkan pengantin lelaki agar bangun lebih awal pagi daripada orang-orang lain di rumah itu.

Tugas pengantin kecil lelaki ialah menemani pengantin lelaki pergi membuang air, menemani tidur di atas katil pengantin. Dua orang perempuan pengiring, tidur di atas lantai.

6.3.2 Aturcara Hari Kedua

Pada hari kedua, selepas pengantin lelaki mandi, sembahyang subuh dan bersarapan pagi mereka akan balik ke rumahnya.

Buapak datang awal pagi dan mengarahkan anak buah menyembelih lembu atau kerbau untuk dijadikan lauk bagi jkamu selanjutnya. Setelah disembelih, daging di potong-potong hingga kecil untuk dibuat lauk. Waktu lepas masak sebelum pengantin datang semua anak buah, orang semenda dan mereka yang terlibat dalam membuat masakan dikehendaki makan terlebih dahulu. Keadaan ini dipanggil makan pangkar.

Kira-kira waktu zohor, pengantin lelaki datang ke rumah pengantin perempuan beserta rombongan dan pengantin kecil. Bila sampai di pintu pagar, dikir rebana dimainkan untuk menyambut kedatangan mereka. Dikir rebana pada masa itu dikenali dikir Maulob. Pengantin perempuan akan menyongsong pengantin lelaki di pintu pagar bersama pengantin kecilnya dan pengapit-pengapit yang lain.

Kemudian bermulalah upacara berarak hingga ketempat bersanding di halaman rumah. Semasa bersanding diadakan pertunjukkan pencak silat pulut dan tarian terinai di hadapan pengantin. Tarian terinai adalah satu tarian dua bentuk cincin dijari diketuk-ketuk pada piring di tapak tangan. Satu bentuk dijari kiri dan satu

bentuk dijari kanan. Tarian ini diiringi oleh bunyi-bunyian dari dikir rebana. Pertunjukkan silat dan tarian ini dimainkan dihadapan pengantin.

Selepas upacara ini Buapak akan mengarahkan agar jamuan makan dimulakan. Pada hari kedua ini lazimnya, Dato Lembaga tidak hadir. Buapak makan di pangkal serambi rumah dan jambar Buapak bertutup dengan tudung saji, berlapik dan bertekad benanga emas.

Pengantin lelaki makan bersama pengantin kecilnya dan pengantin perempuan bersama pengantin perempuannya serta turut pengapit dari kedua belah pihak. Mereka makan di hujung serambi.

Selepas jamuan makan, pengantin lelaki berehat di sebelah atau berdekatan dengan rumah pengantin perempuan, biasanya di rumah saudara pengantin perempuan.

Selepas waktu maghrib, maka pengantin lelaki akan datang kembali ke rumah pengantin perempuan dengan tidak payah dijemput lagi.

Maka diadakan lagi upacara berarak hingga naik ke atas rumah. Kedua pasangan pengantin iaitu pengantin kecil dan pengantin sebenar bersanding di serambi rumah, di bahagian hujung. Pengantin sebenar diapit oleh pengantin kecil yang juga duduk di atas kerusi di atas pelamin. Pelamin ini dibuat sebelum hari berkonah iaitu selepas hari berkampung.

Kemudian dimulakan upacara berinai kecil. Upacara inai kecil dimulakan oleh Buapak, diikuti oleh Besar Waris, tempat menda kedin dan sanak saudara kedua belah pihak hadir.

Selepas jamuan, berakhirlah upacara olek hari kedua. Pengantin lelaki, pengantin kecil lelaki, dua orang perempuan waris yang hampir pengantin lelaki

tidur dalam bilik pengantin. Penantin perempuan dan pengantin kecil perempuan tidur di bilik lain atau di dapur.

6.3.3 Aturcara Hari Ketiga.

Seperti hari kedua, pagi-pagi lagi pengantin lelaki akan balik ke rumahnya. Buapak pula akan datang di awal pagi dan mengarahkan lembu atau kerbau disembelih. Disamping itu segala peralatan dan bahan memasak disediakan untuk tujuan membuat lauk.

Pada hari ketiga Dato Lembaga datang lebih awal dan duduk dipangkal serambi bersama-sama Besar Waris, Buapak-buapak perut lain dan jemputan yang bergelar serta jemputan lain di serambi.

Seperti biasa pada waktu zuhur, pengantin kecil dan rombongannya sampai ke rumah pengantin perempuan. Upacara berarak dijalankan seperti hari kedua kemudian terus ke atas rumah. Di atas rumah dijalankan upacara menyembah pasangan pengantin termasuk pengantin kecil. Mula-mula pengantin perempuan membawa pengantin lelaki menyembah Dato Lembaga, Buapak, Besar waris, bapa dan ibu, tempat menda kedin dan seterusnya saudara mara yang berada di rumah tersebut.

Selepas selesai, Buapak meminta izin Dato Lembaga untuk jamuan dimulakan. Dato Lembaga makan di atas dulang peminangan berkaki dan jambarnya bertutup dengan tudung saji dan berlapis kain bertekad benanga emas.


Selepas makan Dato Lembaga dan para jemputan pulang ke rumah masing-masing. Pengantin lelaki, pengantin kecilnya dan rombongan seperti hari kedua berangkat untuk berehat sehingga waktu maghrib.

Selepas waktu maghrib, Dato Lembaga datang lebih awal untuk upacara berinai besar dan penutup olek. Apabila pengantin lelaki dan pengantin kecilnya serta rombongan tiba di rumah pengantin perempuan mereka berarak dan tyerus naik ke atas rumah. Kemudian upacara bersanding di hujung serambi. Istiadat berinai besar dijalankan dan dimulakan (dirasmikan) oleh Dato Lembaga. Kemudian diikuti oleh Buapak, Besar Waris, Bapa dan Ibu, bapa tempat menda kedin dan seterusnya sanak saudara daro kedua belah pihak. Selesai upacara itu diedarkan kuih dan air minuman sebagai jamuan ringan.

Sesudah itu, bererti tamatlah upacara Olek Lembaga yang dijalnkan selama 3 hari dan 3 malam. Pengantin lelaki dan pengantin perempuan, pasangan kecil, dan pengapit mereka tidur di bilik pengantin.

6.3.4 Upacara Mandi Dan Menyalang

Pada hari keempat diadakan upacara mandi kepada kedua mempelaiiaitu pasangan pengantin sebenar dan pengantin kecil. Upacara ini dijalankan di tengah padanag di hadapan rumah. Tempat mandi, dicacak empat tiang berbentuk empat segi dan dipasang tabit lingkungan yang biasanya berwarna hitam. Dipasang juga tabir langit-langit di bahagian atas. Upacara mandi dijalankan oleh orang semenda yang hampir seperti suami emak saudara penganti perempuan. Alat meyiram air dipanggil “ gebuk” (sila rujuk gambar lukisan O).



(GAMBAR LUKISAN O)

Orang semenda tersebut menjirus air sebanyak tiga kali ke atas kedua pasangan tadi. Kemudian dijalankan upacara tepung tawar oleh Buapak. Selepas selesai upacara tepung tawar, Buapak melambungkan dua ekor ayam, seekor jantan dan seekor betina ke atas. Ayam-ayam tersebut disediakan oleh pihak pengantin lelaki. Para jemputan yang datang berebut-rebut menangkap ayam tersebut dan siapa yang menangkapnya akan menjadi haknya. Selepas upacara mandi, maka tamatlah peranan pengantin kecil.

Pengantin sebenar balik kerumah isterinyadan bersiap-siap pergi menyalang (menyembah) kerumah ibu bapa pula. Pasangan ini akan diiringi oleh dua orang yang membawa keris panjang. Ini bertujuan untuk menjaga keselamatan pengantin dalam perjalanan tersebut.

Bila rombongan sampai, pihak yang menunggu membakar bedil menandakan selamat datang dan memberitahu orang ramai pengantin telah sampai. Dua bilah keris yang dibawa tadi dicucuk kedalam bekas daripada buluh yang telah disediakan di hadapan halaman rumah pengantin lelaki. Dalam upacara pengistirahan harta, di Luak Rembau sama seperti yang diterangkan dalam bahagian 7.2 di Luak Ulu Muar.

6.4 Olek Buapak Di Luak Rembau

Olek Buapak dijalankan selama 2 hari 2 malam. Aturcara olek sama seperti olek sama seperti Olek Lembaga hanya tidak dipasang alat-alat kebesaran dan membesarkan Lembaga. Dalam olek ini hanya dipasang tabir langit-langit, tabir lingkungan disediakan tilam pandak serta alat peminangan.


Upacara berinai hanya dijalankan sekali sahaja iaitu pada malam kedua. Pada hari kedua disembelih lembu untuk jamuan makan. Jambar untuk Buapak tetap tertutup dengan tudung saji dan dilapik dengan kain bertekad benang emas.

7.0 ISTIADAT MENYALANG ATAU MENYEMBAH DAN MENYERAH HARTA

7.1 Istiadat di Luak Rembau dan Luak Ulu Muar

Istiadat menyalang dilakukan di Rembau dan istiadat menyalang di Luak Ulu Muar dikatakan isiadat menyembah. Istiadat ini dilakukan sehari selepas hari langsung perkahwinan. Satu rombongan yang terdiri daripada Buapak , anak daro tuo, anak saudara lelaki dan perempuan mengiringi pengantin suami isteri dari rumah pengantin perempuan kerumah ibu bapa suami yang telah sedia menanti dengan kaum keluarganya. Alat-alat yang dibawa ialah beberapa buah bungkusan wajik, peganan yang dinamakan boko.

Turut juga di bawa tepak sireh atau bujam epok kalau di Luak Ulu Muar dan nasi pancor. Nasi pancor mengandungi seekor ayam panggang, pulut kuning dan bunga telur. (Lihat gambar P)



(GAMBAR P)

Nasi pancor tidak ada dibawa semasa datang brkahwin. Ianya dibawa semasa pergi menyalang / menyembah.


Persembahan kepada ibu bapa suami dinamakan “ kepala boko”. Kepala boko mengandungi dua buah bungkus (buah) penganan, dua buah bungkus wajik, sepinggan kuih cucur dan sebuah pancor berisi pulut kuning bunga telur dan seekor ayam panggang (nasi pancor). Keluarga-keluarga lain menerima sebungkus wajik dan sebungkus penganan.

Sebagai membalas persembahan itu, ibu bapa suami memberi hadiah sebanyak \$ 40.00 dan keluarga lain \$ 5.00.

Dalam istiadat menyembah anak daro tuo akan memulakan persembahan. Anak daro tuo dipilih daripada perempuan yang sama suku atau boleh dipinjam dari suku lain jika tidak pandai bercakap daripada suku pengantin perempuan. Anak daro tuo itu selepas menyembah ibu bapa pengantin akan menyembah bapa saudara, emak saudara dan semua keluarga pengantin lelaki. Kemudian diikuti oleh pengantin lelaki dan pengantin perempuan.

Tiga kali menyembah dan tiga kali berensot untuk datang menyembah. Ini bermaksud tiga kali berensot ialah ia melakukan sembah kemudian berensot sedikit kedepan, sembah kedua berensot ke depan dan menyembah ketiga berensot ke depan sehingga betul-betul duduk berdepan dengan ibu bapa pengantin perempuan. Kemudian baru bersalam. Begitu juga selepas mengakhiri upacara menyembah. Tiga kali berensot ke belakang dan tiga kali menyembah sebelum pergi.

Cara istiadat menyembah ditunjukkan dalam siri gambar di bawah :



Istiadat permulaan menyembah samada pengantin lelaki / perempuan kepada Buapak pengantin lelaki.



Istiadat menyembah pengantin lelaki kepada Buapaknya.



Istiadat menyembah pengantin perempuan kepda Buapak pengantin lelaki



Istiadat akhir menyembah pengantin perempuan kepada Buapak pengantin lelaki.

Selepas upacara menyembah, jamuan makan diedarkan. Sesudah itu semua rombongan termasuk kedua pengantin balik kerumah pengantin perempuan. Adat perpatih amaln di Luak Ulu Muar tidak membenarkan kedua pengantin tinggal di rumah ibu bapa pengantin lelaki selepas menyembah. Mereka mesti pulang dahulu ke rumah selepas upacara menyembah. Kemudian barulah boleh pergi semula kerumah ibu bapa pengantin lelaki :

1. Buapak sebelah ibu.
2. Bapa saudara sebelah ibu.
3. Emak saudara sebelah ibu.
4. Bapa saudara sebelah ayah
5. emak saudara sebelah ayah
6. Dato Lembaga sebelah ibu (sebagai penutup)

7.2 Pengistiharan Harta

Upacara ini dilakukan pada hari kedua selepas upacara menyembah. Setelah berkumpul semua Buapak, tempat semenda kedin, waris pesoko dan orang semenda yang hampir hubungan keluarga, maka Buapak pengantin perempuan pun bercakap sepatah dua yang dinamakan “ unjuk beri” kepada pengantin lelaki. Sekiranya menteri, melano,koda dan sebagainya oleh Buapak. Jika orang semenda baru sudah bergelar, maka tidak payah diberi gelar lagi.

Kemudian Buapak pun memulakan upacara menyerahkan harta pesaka dengan kata-kata seperti di bawah ;

“ sekarang diberilah akan (gelarnya) memerintah
 bendul yang empat, maka “ menteri” (gelarnya seperti “ menteri”
) belalah sawah,lading, kampung halaman. Mana yang ada bela

pelihara, tak ada “ menteri” carikan atau belikan, sudah ada “ menteri” tambahkan.”

Kemudian Buapak berkata lagi,

“ jadi unjuk berilah pada “menteri”,
bela peliharalah, kedua kampung yang sesudut,
sawah yang selopak bela pelihara.”

Kemudian ia berkata lagi,

“ berpecah kutu belah (cerai)
yang dapatan tinggal,
bawaan kembali,
carian bahagi.”

Kemudian diminta pihak lelaki (orang semenda baru) memberitahu apa-apa barang kepunyaannya untuk di isytiharkan. Dengan ini berakhirlah upacara semenda-menyemenda dalam amalan adat perpatih.

8.0 PENGANTIN KECIL

Upacara ini hanya terdapat di Luak Rembau. Budak-budak yang dipilih lelaki dan perempuan yang berumur dalam lingkungan 8 hingga 10 tahun. Perempuan 8 tahun dan lelaki 10 tahun. Dipilih dari ahli perut-perut yang hendak berkahwin. Budak lelaki yang dipilih ialah yang cerdik dan faham tentang perjalanan ke rumah pengantin dan keadaan dalam rumah pengantin perempuan tersebut. Pengantin kecil ini akan dimuliakan dan diraikan sama seperti pengantin sebenar.

Semasa akad nikah pengantin kecil lelaki duduk di atas tilam pandak juga sama seperti pengantin sebenar, begitu juga pengantin kecil perempuan

duduk di dalam bilik pengantin di atas kerusi untuk persandingan. Pakaian pengantin kecil juga lengkap sebagaimana pengantin sebenar lelaki dan perempuan.

Masa bersanding, kedua-dua pengantin kecil turut disandingkan di atas kerusi khas pengantin di atas pelamin. Pengantin kecil perempuan di sebelah pengantin sebenar perempuan.

Mengikut kata Encik Abu bin Haji Salleh ;

Tujuan asal diadakan pengantin kecil ialah berdasarkan verita Todak menyerang Singapura. Oleh kerana kebijaksanaan seorang budak yang belum dewasa maka terselamatlah rakyat Singapura daripada serangan Todak. Pepatahnya digunakan; kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. Oleh kebijaksanaan nya dapat berbakti pada negara maka “ budak” diberi symbol mengenang jasa “ budak” demi menyelamatkan rakyat.

9.0 KESIMPULAN

olek Lembaga dalam perkahwinan adat sekarang tidak lagi diamalkan samada di Luak Rembau atau di Luak Ulu Muar. Masa dahulu, dalam melaksanakan sesuatu olek samada olek Lembaga atau Olek Buapak segala anak buah berkumpul bersama-sama merangka olek tersebut. Kalau ada yang tertinggal, diarahkan oleh Buapak kepada tuan rumah untuk menjemput dan kalau ada yang berkelahi, bergaduh atau sebagainya, Buapak akan memastikan segala yang kusut ditenteramkan.

Setelah semuanya kembali tenang dan baik maka barulah diadakan olek tersebut. Tetapi keadaan sekarang ini apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kalau hendak mengadakan sesuatu majlis perkahwinan perkara yang mengumpulkan segala anak buah tidak lagi diambil berat oleh Buapak serta tuan rumah. Kalau ada yang

tertinggal tidak lagi diberi perhatian penting begitu juga kalau ada perselisihan, tiada usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendamaikan sebelum olek diadakan.

Dalam majlis perkahwinan hari ini Buapak tidak berfungsi lagi kerana majlis diadakan di rumah yang terletak di kawaasa perumahan. Satu lagi keadaan yang bertentangan dengan adat perpatih dahulu ialah mengenai hantaran. Mengikut amalan adat perpatih tidak ada wang dan barang hantaran. Tetapi hari ini, hantaran telah menjadi amalan di negeri sembilanbaik di Luak Rembau atau di Luak Ulu Muar. Sekarang pula menjadi yang mesti. Malahan ,dapat dikatakan tiada lagi perbezaan adat perkahwinan di Negeri Sembilan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

LAMPIRAN 1

Adat (maskahwin) di Luak Ulu Muar.

Sebelum 1904 -anak dara \$ 7.00 ,janda \$ 4.00
1904 – 1951 -anak dara \$ 20.00 ,janda \$ 10.00
selepas 1951 -anak dara \$ 28.00 ,janda \$ 14.00
mulai 1985 maskahwin adalah seperti berikut :-

maskahwin - \$ 48.00 (anak dara) , \$ 20.00 (janda)

wali / upah nikah	- \$15.00
saksi	- \$20.00
pengiring adat	- \$44.00
masuk kariah	- \$10.00
register	-\$5.00